



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/05/39 (HQ)

TNB ANJUR KEMPEN KEHIDUPAN LESTARI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mendekati orang awam melalui penganjuran Kempen Kehidupan Lestari Peringkat Negeri Kelantan pada hari ini yang dirasmikan oleh Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya, Zainal Azmir Kamaruddin.

Program ini dilaksanakan setiap tahun sejak 2008 dengan mensasarkan guru-guru dan murid-murid sekolah rendah sebagai peserta. Pada tahun 2013, kumpulan sasaran telah beralih sementara kepada peneroka Felda di seluruh Semenanjung atas perkembangan pesat sosio-ekonomi kumpulan itu.

Mulai tahun 2015, fokus sasaran beralih kembali kepada pelajar-pelajar sekolah. Buat julung kalinya, peserta yang terlibat kali ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dari tingkatan 4 dan 5. Pada hari ini, seramai 300 para pelajar dan guru pengiring dari 11 buah di bawah Pejabat Pendidikan Wilayah Putrajaya dipilih hadir pada kempen ini.

Pengurus Besar (Kuala Lumpur, Utara dan Timur), Jeslee Mohamed, dalam ucapan aluannya berkata, kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan, dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik. Perlaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaiian.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaiian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” kata beliau.

Dikeluarkan di Putrajaya pada 11 Mei 2016

*Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau
Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320
media@tnb.com.my*